

## MAHATHIR

MELAKA, 17 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENARIK PERHATIAN RAKYAT BAHAWA ANCAMAN PENGARUH ASING SEKARANG TERHADAP NEGARA LEBIH BERBAHAYA DARIPADA YANG PERNAH DIHADAPI OLEH KESULTANAN MELAYU MELAKA DAHULU.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BANYAK KUASA ASING SEKARANG INGIN MENJAJAH NEGARA INI ATAU SEKURANG-KURANGNYA MAHU KERAJAAN MENGIKUT TELUNJUK MEREKA.

OLEH ITU, KATANYA, MALAYSIA MEMERLUKAN SEBUAH KERAJAAN YANG KUAT AGAR TIDAK MUDAH DITEKAN OLEH NEGARA-NEGARA LAIN HINGGA MENGIKUT KEMAHUAN MEREKA SEPERTI YANG BERLAKU DI BEBERAPA BUAH NEGARA DI ASIA DAN AMERIKA TENGAH.

KETIKA MERASMIKAN ISTANA KESULTANAN MELAKA DI SINI, PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN BAHAWA PENJAJAHAN ZAMAN MODEN INI TIDAK SEHESTINYA MELALUI PENDUDUKAN TENTERA TETAPI BOLEH BERLAKU MELALUI PENGUSAHAAN EKONOMI SESEBUAH NEGARA, PENGARUH KEBUDAYAAN DAN PENGARUH POLITIK.

SELAIN ITU, KUASA-KUASA ASING KADANG KALA MEMILIH DAN MENDIDIK ORANG-ORANG TERTENTU DAN MEMBERI ONGKOS KEPADA MEREKA.

KATANYA, ORANG-ORANG INI APABILA BERJAYA MENUBUHKAN KERAJAAN AKAN MENGIKUT TELUNJUK KUASA ASING ITU ATAUPUN MENDIRIKAN SEBUAH KERAJAAN YANG MIRIP DENGAN KUASA ASING BERKENAAN. -- LAGI.

1551MST 17 07 86

## MAHATHIR 2 MELAKA

PERDANA MENTERI BERKATA, RAKYAT NEGARA INI PERLU BELAJAR DARIPADA SEJARAH KHUSUSNYA SEJARAH KEJATUHAN KESULTANAN MELAKA YANG MERUPAKAN KERAJAAN MELAYU PERTAMA JATUH KEPADA KUASA ASING DARI EROPAH.

KATANYA, KESULTANAN MELAKA JATUH KEPADA TANGAN KUASA ASING KERANA PEMERINTAH PADA ZAMAN ITU TIDAK MENYUSUN PENTADBIRAN SECARA MODEN SEPERTI MELENGKAPI BALA TENTERA DENGAN SENJATA DAN STRATEGI PEPERANGAN MODEN.

+ KALAU KITA INGIN MENGEKALKAN KEMERDEKAAN, KITA PERLU MENERIMA HAKIKAT INI DAN MENYUSUN DIRI SUPAYA PENGARUH DAN USAHA UNTUK MENJAJAH KITA SEKULA DAPAT DIHINDARI.

+ INI BERMAKNA DALAM BIDANG POLITIK UMPAMANYA, KITA HENDAKLAH TENTUKAN KERAJAAN BOLEH MEMERINTAH DENGAN CUKUP BERKESAN DAN SEHINGGA INI KITA BERNASIB BAIK KERANA KERAJAAN YANG ADA CUKUP KUAT UNTUK MENENTUKAN SIKAPNYA TERHADAP APA JUGA PERISTIWA, + TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, HASIL WUJUDNYA SEBUAH KERAJAAN YANG KUAT TIADA SIAPA BOLEH MENAFIKAN SEJAK KEMERDEKAAN, PEMBANGUNAN NEGARA ADALAH LEBIH PESAT BERBANDING DENGAN 400 TAHUN NEGARA DI BAWAH PENJAJAHAN.- LAGI.

1554MST 17 07 86

MAHATHIR 3 MELAKA

KATANYA, BAGI MEMASTIKAN PEMBANGUNAN PESAT INI TIDAK TERJEJAS, RAKYAT PERLU BERSATUPADU SEBAB MELALUI PERPADUAN NEGARA LEMAH BOLEH MENJADI KUAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA MAHU BEBAS DARIPADA PENGARUH SEMUA KUASA BESAR DAN INI BOLEH TERCAPAI DENGAN WUJUDNYA SEBUAH KERAJAAN YANG KUKUH DAN CEKAP MENYUSUN PENTADBIRAN NEGARA.

DAN SELAMA INI PUN, KATA PERDANA MENTERI KERAJAAN TELAH DAPAT BERSIKAP TEGAS DALAM TINDAK TANDUKNYA, SEPERTI MENGAMBIL KEPUTUSAN TIDAK MENYERTAI SUKAN KOMANWEL.

INI KERANA IA MERUPAKAN SEBUAH KERAJAAN YANG KUKUH DENGAN MEMPEROLEH SUARA DUA-PERTIGA DI PARLIMEN.

+HALAUPUN KEPUTUSAN MALAYSIA TIDAK MENYERTAI SUKAN ITU KECIL, TETAPI IA MEMPUNYAI ERTI YANG BESAR KEPADA NEGARA INI KERANA IA MENUNJUKKAN MALAYSIA TIDAK PERLU MENGIKUT TELUNJUK SEBUAH KUASA BESAR SEPERTI BRITAIN.+

MENGENAI ISTANA KESULTANAN MELAKA YANG BERTHARGA \$3.09 JUTA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA USAHA SEPERTI ITU DAPAT MENARIK PARA PELANCONG KE NEGERI INI DAN INI AKAN MENGUNTUNGAN RAKYAT MELALUI KEMASUKAN WANG ASING. -- LAGI.

1604MST 17 07 86

MAHATHIR 4 MELAKA

KETIKA MENYENTUH ASPEK SEJARAH KESULTANAN MELAKA, PERDANA MENTERI MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA MELIHAT SEJARAH DARIPADA SUDUT PENGAJARAN SERTA KELEMAHAN-KELEMAHAN MASA LEPAS DAN BUKAN SEMATA-MATA KEGEMILANGANNYA.

SEMENTARA ITU KETIKA MERASMIKAN TAMAN MINI MALAYSIA DAN AYER KEROH COUNTRY RESORT DI AYER KEROH DEKAT SINI, BELIAU BERKATA KEBUDAYAAN ZAMAN SILAM BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI LATAR BELAKANG IDENTITI SESUATU BANGSA.

KATANYA, BAGAIMANAPUN IA TIDAK HARUS DIJADIKAN PEGANGAN SEHINGGA MENJADIKAN SESUATU KAUM KETINGGALAN ZAMAN.

RAKYAT NEGARA INI PERLU MENGIKUTI PERUBAHAN YANG BERLAKU DALAM MASYARAKAT YANG KINI TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM SERTA MENERIMA HAKIKAT ITU.

KATANYA, SEMUA KAUM PERLU MENERIMA HAKIKAT INI DAN BEKERJSAMA SESAMA MEREKA TANPA MELUPAKAN IDENTITI ASAS MASING-MASING. -- BERNAMA.

1613MST 17 07 86